

SOP fasa endemik perlu lebih signifikan, kita wajib beradaptasi dengan norma baharu

# Perkasa ekonomi digital, logistik

Oleh NURFARAHIN HUSSIN  
farahin.hussin@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan perlu memperkasa aspek ekosistem ekonomi digital dalam mendepani cabaran fasa endemik dengan prosedur operasi standard (SOP) yang lebih signifikan dengan keadaan semasa.

Inisiatif kerajaan memperkenalkan SOP peralihan fasa endemik adalah usaha positif bagi memulihkan ekonomi dengan lebih agresif dan terbuka kerana kita tidak boleh lagi menafikan keperluan mengadaptasi kehidupan dalam norma baharu bersama Covid-19.

Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, penggunaan medium digital secara menyeluruh mesti diperkenalkan kerana pasti terdapat aktiviti bersemuka yang masih tidak dapat dilakukan.

Ujarnya, bukan hanya e-dagang, kerajaan juga perlu membaiki kos logistik yang lebih efisien dan murah bagi menyokong para peniaga.

"Teknologi kewangan (*fin-tech*) juga perlu diperluas dengan pelbagai fungsi seperti pin-



**PERNIAGAAN** perlu segera beradaptasi dengan norma baharu yang mengutamakan penggunaan teknologi dan pendigitalan bagi menghadapi cabaran dalam fasa endemik kelak. - GAMBAR HIASAN

jaman atas talian, insurans dan takaful atas talian, pembayaran mata wang asing untuk pembelian luar negara serta memper-

luas penggunaan e-dompet.

"Selain itu, paling mustahak kerajaan perlu membaiki sistem telekomunikasi dengan capaian

4G dan 5G yang lebih luas dan murah di seluruh negara," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bagi memastikan perusahaan

kecil dan sederhana (PKS) dapat terus bertahan dalam fasa endemik, Aimi Zulhazmi berpendapat setelah hampir dua tahun berdepan pandemik, setiap sektor ekonomi harus mempunyai kefahaman sendiri tentang bagaimana untuk menyesuaikan perniagaan mereka dengan SOP kerajaan.

Jelasnya, ia penting kerana masing-masing perlu memahami sekiranya kesilapan berlaku, maka perniagaan terpaksa ditutup sementara sekali gus menjejaskan pendapatan mereka.

"Justeru, pemantauan data terkumpul melalui aplikasi MySejahtera hendaklah digunakan sebaiknya oleh setiap industri. Paling diberi perhatian ialah PKS yang mempunyai had minimum dari segi modal, tenaga kerja dan sebagainya.

"Kegiatan ekonomi semua sektor boleh dibuka apabila SOP diwujudkan dan diperketat. Contoh terbaik adalah pembukaan sektor pelancongan dengan memperkenalkan gelombang pelancongan di Langkawi dan sekiranya berjaya akan diteruskan kepada kawasan pelancongan terkenal lain di seluruh negara," ujarnya.